

KERAJAAN NEGERI KELANTAN

PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN KELANTAN BIL. 2/2008

PERWAKILAN KUASA DI BAWAH SEKSYEN 13 KANUN TANAH NEGARA

Pekeliling ini dikeluarkan untuk memaklumkan semua Pentadbir Tanah Jajahan bahawa Majlis Mesyuarat Kerajaan melalui persidangan kali Ke 8/2008 pada 16 April 2008 dalam menimbangkan Kertas Bil. 8/697/2008(89) telah bersetuju mewakilkan kuasa kepada Pengarah Tanah dan Galian dan Pentadbir Tanah Jajahan untuk memberi kelulusan di bawah Seksyen 120 Kanun Tanah Negara 1965 bagi permohonan-permohonan berikut :-

- (a) Permohonan pindahmilik atau pajakan mana-mana tanah kepada orang Melayu Anak Kelantan.
- (b) Permohonan pindahmilik kepada saudara terdekat.
- (c) Permohonan pindahmilik yang pertama ke atas tanah yang didaftarkan melebihi 10 tahun dari tarikh pendaftaran hakmilik tersebut.

2. Bagi maksud perwakilan kuasa ini, mana-mana tanah yang dipegang di bawah hakmilik Pejabat Pendaftar, kuasa melulus diwakilkan kepada Pengarah Tanah dan Galian Negeri Kelantan. Mana-mana tanah yang dipegang di bawah hakmilik Pejabat Tanah, kuasa melulus diwakilkan kepada Pentadbir-Pentadbir Tanah Jajahan berkenaan.

3. Kertas kerja hendaklah disediakan seperti biasa untuk diangkat kepada Pentadbir Tanah atau Pengarah Tanah dan Galian untuk kelulusan dengan menyatakan perwakilan kuasa kepada Pentadbir Tanah dan Pengarah Tanah dan Galian Kn.P.U.8 bertarikh 3 Julai 2008 di bahagian keputusan kertas berkenaan.

4. Pekeliling ini berkuatkuasa serta merta mulai tarikh pekeliling ini dikeluarkan.

t.t

(DATO' HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI AWANG)
PENGARAH TANAH DAN GALIAN
NEGERI KELANTAN

KEPADA :

1. Semua Pentadbir Tanah
Negeri Kelantan.

SALINAN KEPADA :

1. YAB Dato' Tuan Guru Menteri Besar
Negeri Kelantan
2. YB. Dato' Timbalan Menteri Besar
Negeri Kelantan
3. YB. Dato' Setiausaha Kerajaan
Negeri Kelantan
4. YB. Dato' Pegawai Kewangan
Negeri Kelantan
5. YB. Penasit Undang-Undang
Negeri Kelantan
6. YBrS. Ketua Audit Negeri Kelantan

7. YBrs. Ketua Penolong Setiausaha Majlis Mesyuarat Kerajaan Kelantan
8. YBrs. Ketua Penolong Setiausaha Kerajaan Tempatan

PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN
NEGERI KELANTAN
BLOK 3, KOTA DARULNAIM
15576 KOTA BHARU

Fail : PTG.KN. SULIT.1375 Jld.3(19)
Bertarikh : 7 RAMADHAN 1429H
7 SEPTEMBER 2008